

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

BAGAIMANA PERTUTURAN SEHARIAN MEMPENGARUHI PROSES
MENYANYI
KES STUDI : TABIAT PERTUTURAI! YANG KURANG SEMPURNA (*"BAD
SPEAKING HABIT"*)

DISEDIAKAN UNTUK
FAKULTI SENI PERSEMBAHAN
UNTUK IJAZAH SARJANA MUDA MUZIK
PROGRAM MUZIK

DISEDIAKAN OLEH
FADLITA BINTI MOHD TAIB
95789722

SHAH ALAM, SELANGOR
MEI 2001

SINOPSIS

Setiap manusia yang ingin bergelar sebagai penyanyi bukan sekadar berkemampuan untuk menyanyi malah mereka harus faham dan tahu apakah yang dikatakan dengan proses menyanyi yang sebenar. Kepentingan pertuturan seharian yang sempurna sememangnya diperlukan bagi mendorong kesempurnaan proses menyanyi. Terdapat tiga faktor penting yang mana penyanyi perlu dalam dan fahami di dalam memperlaksanakan tabiat pertuturan ini.

Penggunaan *register* yang tepat dan betul merupakan salah satu daripada peranan penting yang menjurus kepada kesempurnaan proses bertutur. Tidak ramai di kalangan manusia amnya dan penyanyi khususnya tahu akan maksud *register* yang sebenar. Terutamanya kepada rakyat atau penyanyi di Malaysia. Ini kerana negara Malaysia bukan merupakan negara yang dinobatkan sebagai pencetus atau permulaan persembahan nyanyian klasikal dan opera berbanding dengan negara Italy, German dan Perancis. Teknik suara yang betul diperlukan di dalam penyampaian persembahan ini. Oleh kerana negara-negara ini mengutamakan teknik suara bagi memperlengkapkan kriteria sebagai seorang penyanyi, maka latihan dan didikan awal telah pun diberikan. Mereka dilatih bermula dari usia yang muda iaitu tiga atau empat tahun menerusi nyanyian bersama kumpulan koir yang ditubuhkan oleh persatuan gereja. Boleh dikatakan

kesemua gereja yang ditubuhkan mempunyai kumpulan koirnya yang tersendiri. Latihan dan didikan yang diberi di sini merangkumi kesemua perkara yang berkaitan dengan teknik suara termasuklah cara pertuturan yang sempurna. Produk yang terhasil menerusi proses ini adalah penyanyi yang berpengalaman tentang teknik suara di mana mereka mempunyai pengetahuan di dalam menyesuaikan penggunaan *register* dan secara tidak langsung mampu untuk memperdengarkan not yang tinggi dengan keadaan yang selesa dan tenang tanpa sebarang gangguan dan sekatan. Perkara inilah yang perlu difahami dan didalami oleh masyarakat Malaysia agar penyanyi Malaysia juga mampu untuk bersaing dengan penyanyi barat. Kemestian untuk menyanyi di dalam kumpulan koir gereja tidak wujud di Malaysia memandangkan masyarakatnya yang berbilang kaum dan agama. Untuk tujuan itu penyanyi Malaysia haruslah mempunyai keinginan untuk pergi ke kelas vokal yang kini telah ditubuhkan di beberapa institusi kerajaan mahupun bukan kerajaan bagi mempelajari dan mendalami bidang ini.

Faktor kedua yang menjurus kepada pertuturan yang sempurna ialah sebutan yang betul. Sebutan yang betul dan jelas penting di dalam proses menyanyi mahupun bertutur kerana ia akan membantu proses pemahaman berjalan dengan cepat dan lancar. Faktor ketiga ialah menghindarkan diri daripada dijangkiti masalah-masalah kesihatan yang telah diterangkan pada bab empat. Masalah-masalah ini akan dapat ditangani dengan mudah sekiranya sipenyanyi mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang teknik pertuturan yang sempurna.

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN.ii
SONOPSIS.iv
SENARAI GAMBARAJAH.vi

Bab

1. PENGENALAN.1
------------------------	----

Latar Belakang

Tabiat Pertuturan Yang Kurang Sempurna

Tujuan

Kaedah

Skop Kajian

Organisasi

2. REGISTER.8
----------------------	----

Teori Pembahagian Register

Chest Register

Kategori Lelaki

Kategori Bass

Kategori Tenor

Kategori Wanita

Kategori Alto

Kategori Soprano

Falsetto dan Head Register

Kategori Lelaki

BAHAGIAN DUA

Bab

Kategori Bass

Kategori Tenor

Kategori War.ita

Kategori Alto

Kategori Soprano

Middle Register

Flute Register

3. SEBUTAN.24

Vowel

Cardinal Vowel

Italian Vowel

English Vowel

Nasal Vowel

Umlaut Vowel

Semi Vowel

Diphthongs

Triphthongs

Consonant

Voiced Consonant

Unvoiced Consonant